

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

3767/1

EKONOMI

Kertas 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

3767/1

[Lihat halaman sebelah

- 1 Kekurangan bagi isi rumah ialah
- A modal terhad sedangkan target pelbagai produk
 - B pendapatan sedikit berbanding kehendak barangan
 - C perolehan hasil kecil berbanding belanja pembangunan
 - D miliki keuntungan rendah sedangkan kos pengurusan tinggi
- 2 Gambar 1 menunjukkan faktor yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul tentang gambar tersebut?

- A Menerima ganjaran atas kebijaksanaan merancang penghasilan barang
 - B Menggabung pelbagai input untuk mengeluarkan sejumlah output
 - C Menanggung risiko kerugian apabila belanja melebihi pendapatan
 - D Mempunyai mobiliti pekerjaan dan geografi dalam pasaran
- 3 Jadual 1 menunjukkan kombinasi pengeluaran dan produk bagi sebuah firma.

Kombinasi pengeluaran	Produk	
	Kasut	Selipar
F	110 unit	85 unit
G	140 unit	40 unit

Jadual 1

Berapakah kos lepas sekiranya kombinasi pengeluaran berubah dari F ke G?

- A 110 unit kasut
- B 85 unit selipar
- C 45 unit selipar
- D 30 unit kasut

- 4 Pernyataan yang manakah betul tentang keluk kemungkinan pengeluaran (KKP)?
- A Masalah pilihan timbul kesan daripada pergerakan titik di sepanjang KKP
 B Guna tenaga penuh berlaku pada kombinasi pengeluaran di dalam KKP
 C Kos lepas semakin mengecil digambarkan oleh bentuk cembung KKP
 D Pembaziran sumber ekonomi wujud apabila kombinasi di luar KKP
- 5 Apakah kelebihan sistem ekonomi kapitalis?
- A Kaedah pengeluaran yang meminimumkan kos
 B Motif keuntungan menyebabkan kesan luaran negatif
 C Firma besar mempunyai kuasa monopoli dalam pasaran
 D Penggunaan faktor untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat
- 6 Maklumat berikut berkaitan penyelesaian masalah asas ekonomi bagi negara X.

- | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Memilih teknik yang cekap untuk memaksimumkan keuntungan • Penggunaan intensif buruh untuk mengatasi masalah pengangguran |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Pasangan yang manakah betul berkaitan dengan maklumat di atas?

	Masalah asas ekonomi	Sistem ekonomi
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Kapitalis
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Kapitalis
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Campuran
D	Untuk siapa dikeluarkan	Campuran

- 7 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang penyelesaian masalah untuk siapa dikeluarkan dalam sistem ekonomi campuran?
- I Pengagihan untuk mencapai kebajikan pengguna
 - II Mengedar barang perlu berdasarkan jumlah permintaan
 - III Persaingan antara pengeluar mengikut teknik yang cekap
 - IV Memasarkan barangan mengikut kemampuan masyarakat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan dalam kuantiti diminta?
- A Dikenali sebagai pengurangan permintaan apabila harga naik
 - B Peralihan keluk berlaku sama ada ke kanan atau ke kiri
 - C Dipengaruhi oleh kuasa beli pengguna dalam pasaran
 - D Pergerakan titik terjadi di atas keluk yang sama
- 9 Jadual 2 menunjukkan perubahan permintaan ke atas peti sejuk model 200L di Malaysia pada bulan Julai berbanding bulan Januari.


Harga (RM)	Jumlah permintaan (unit)	
	Januari	Julai
1 250	8 000	9 500

Jadual 2

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Harga barang penggenap semakin tinggi
- B Jabatan Kastam menaikkan duti eksais
- C Kadar cukai pendapatan meningkat
- D Jangkaan harga barang akan naik

- 10 Rajah 1 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- I Berlaku lebih permintaan sebanyak 40 unit
 - II Firma tentukan kenaikan harga sebanyak RM6
 - III Harga keseimbangan pasaran berlaku pada RM20
 - IV Jumlah penawaran akan berubah dari 20 ke 30 unit
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 13 Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Jenis barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti
K	15	12

Jadual 3

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A Naikkan harga jualan dapat meningkatkan jumlah hasil firma
 - B Orang ramai lebih responsif terhadap perubahan harga
 - C Kereta mewah merupakan contoh bagi barang tersebut
 - D Tahap ketagihan oleh pengguna adalah rendah
- 14 Apakah fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan?
- I Mengawal nisbah rizab berkanun
 - II Memberi pendahuluan sementara
 - III Mengurus kadar pertukaran asing
 - IV Menjadi sumber pinjaman terakhir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Gambar 2 menunjukkan contoh alat perantaraan pertukaran dalam ekonomi.



Gambar 2

Pernyataan yang manakah betul tentang gambar di atas?

- A Merupakan wang sah dalam urus niaga bernilai besar
 - B Perlu mematuhi penetapan sandaran minimum
 - C Menjadi alat pertukaran yang diterima umum
 - D Pemilik dikenakan caj atas perkhidmatan
- 16 Pilih pasangan yang betul.

	Contoh pekerjaan	Sektor ekonomi
A	Penyelia kilang penapisan minyak mentah	Ketiga
B	Pemandu lori tangki minyak petrol	Ketiga
C	Pekerja di pelantar minyak mentah	Kedua
D	Penguasa stesen minyak petrol	Kedua

- 17 Maklumat berikut berkaitan rumus pendapatan boleh guna (PBG).

$$\text{Jumlah Pendapatan} - X = \text{PBG} = \text{Tabungan} + Y$$

Antara yang berikut, pasangan yang manakah betul?

	Butiran	Keterangan
I	X	Menjelaskan potongan tetap bulanan kepada Lembaga Tabung Haji
II	X	Membayar sejumlah amaun tertentu kepada Pusat Zakat Selangor
III	Y	Menjelaskan premium menghadapi risiko kepada syarikat insurans
IV	Y	Membuat potongan secara berjadual setiap bulan kepada LHDN

- A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 18 Apakah kelebihan pembayaran secara tunai dalam urus niaga?
- A Memudahkan pengguna berbelanja secara berhemah
 B Menggalakkan pembeli merancang sebelum berbelanja
 C Meringankan beban kewangan melalui bayaran bulanan
 D Meningkatkan taraf hidup dengan pembelian barang mahal
- 19 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan penyediaan belanjawan peribadi?
- I Mengutamakan barang kehendak
 II Membantu mengatasi tekanan inflasi
 III Membolehkan untuk menabung setiap bulan
 IV Menyelaraskan pendapatan mengikut perbelanjaan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

20 Contoh yang manakah merupakan aktiviti pelaburan dalam ekonomi?

- I Encik Ahmad membina sebuah rumah kediaman keluarganya di Batang Kali
- II Proton Edar membesarkan ruang pameran kereta di ibu pejabat jualan Shah Alam
- III Puan Siti menambah tempahan ubi kayu mentah untuk stok kilang kerepek di Banting
- IV Syarikat Maju Berhad menghadihkan 100 unit basikal kepada murid miskin di Morib

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Pernyataan yang manakah betul tentang input berubah?

- A Berhubung secara langsung dengan bilangan input tetap
- B Wujud walaupun operasi pengeluaran belum bermula
- C Kuantiti penggunaan dipengaruhi oleh jumlah output
- D Tapak bangunan kilang merupakan contoh input

22 Jadual 4 menunjukkan jumlah keluaran dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Jumlah keluaran (unit)	100	180
Jumlah kos (RM)	5 000	5 600

Jadual 4

Berapakah kos sut pada keluaran ke-180?

- A RM3.33
- B RM4.39
- C RM6.00
- D RM7.50

- 23 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran buku firma X.

Kos Tetap	=	RM50.00
Kos Berubah	=	RM30.00
Kos Purata	=	RM2.00

Berapakah jumlah keluaran firma tersebut?

- A 30 unit
 B 40 unit
 C 50 unit
 D 80 unit
- 24 Maklumat berikut berkaitan situasi sistem pengangkutan di Lembah Klang.


Kesesakan jalan raya: Penduduk Lembah Klang bazir 500 jam setahun
 Kuala Lumpur: Setiap penduduk Lembah Klang menghabiskan masa purata lebih 500 jam setahun atas kenderaan dengan anggaran kos lebih RM3 696.
 Sumber: Harian Metro, 19 Mac 2023

Apakah kos sosial yang ditanggung kesan daripada situasi di atas?

- A Kos sara hidup pemilik kenderaan meningkat
 B Perbelanjaan untuk kawalan lalu lintas meningkat
 C Masa yang lama diambil untuk balik ke rumah selepas bekerja
 D Tekanan emosi penduduk sekitar apabila memandu di waktu puncak
- 25 Pilih pasangan yang betul tentang inflasi.

	Jenis inflasi	Keterangan
A	Tarikan permintaan	Wujud apabila perbelanjaan pengguna meningkat
B	Tarikan permintaan	Berlaku kesan daripada pertambahan modal pengeluar
C	Tolakan kos	Berlaku kesan daripada peningkatan nilai Ringgit Malaysia
D	Tolakan kos	Wujud apabila harga barang siap yang import menjadi mahal

- 26 Pernyataan yang manakah betul tentang pengangguran kitaran?
- A Pekerja meletak jawatan apabila mendapat pekerjaan lain
 - B Buruh hilang pekerjaan kerana sikap memilih kerjaya
 - C Pekerja diberhentikan kesan kemelesetan ekonomi
 - D Buruh miliki kemahiran yang tidak bersesuaian
- 27 Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal inflasi dalam negara?
- A Melaksanakan dasar fiskal mengembang
 - B Menaikkan kadar cukai pendapatan individu
 - C Menambah peruntukan perbelanjaan mengurus
 - D Membanyakkan projek pembangunan mega di bandar
- 28 Pernyataan yang manakah betul tentang perbelanjaan pembangunan kerajaan?
- A Bekalan dan perkhidmatan adalah contoh yang terlibat
 - B Bayaran membiayai pelaburan modal fizikal
 - C Bertujuan melancarkan pentadbiran negara
 - D Bersifat berulang-ulang setiap tahun
- 29 Maklumat berikut berkaitan tindakan bank pusat dalam ekonomi.



Apakah tindakan tersebut?

- A Menurunkan nisbah rizab berkanun
- B Menaikkan kadar faedah pinjaman
- C Menjual surat jaminan kerajaan
- D Mengetat syarat sewa beli

30 Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk sekatan dalam perdagangan antarabangsa.

- Bertujuan melindungi industri tempatan
- Menghadap penawaran barang import
- Hasil kerajaan tidak meningkat

Apakah bentuk sekatan tersebut?

- A Tarif
- B Kuota
- C Subsidi
- D Embargo

31 Antara yang berikut, situasi yang manakah menunjukkan komposisi eksport tak nampak negara?

- I Kerajaan Brunei memberi bantuan kewangan kepada mangsa banjir di Kedah
- II Firma ABC membekalkan petroleum mentah untuk kilang kimia di Jepun
- III Syarikat asing menggunakan pengangkutan kargo udara milik MAS
- IV Pelancong dari China menginap di hotel Seri Malaysia Sepang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Jadual 5 menunjukkan sebahagian imbalan pembayaran Malaysia pada suatu tahun.


Butiran	RM juta
Barangan	113 327
Perkhidmatan	- 10 706
Pendapatan primer	- 36 624
Pendapatan sekunder	- 17 443
Aliran modal	344

Sumber: www.treasury.gov.my

Jadual 5

Berapakah imbalan akaun semasa Malaysia pada tahun tersebut?

- A RM48 554 juta
 B RM48 898 juta
 C RM59 260 juta
 D RM59 604 juta
- 33 Maklumat berikut menunjukkan kegiatan perdagangan antarabangsa antara Malaysia dengan Jepun.



Pasangan yang manakah betul?

	Aktiviti	Keterangan
A	1	Aliran masuk wang akan bertambah
B	1	Eksport tak nampak negara meningkat
C	2	Imbalan perkhidmatan cenderung positif
D	2	Permintaan terhadap Ringgit Malaysia tinggi

- 34 Situasi yang manakah berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I Syarikat Pemborong Anis menerima bekalan pakaian wanita dari China
 - II Petronas Cari Gali meningkatkan pelaburan teroka minyak mentah di Bahrain
 - III Encik Amran dari Brunei melawat anaknya belajar di Universiti Islam Antarabangsa
 - IV Pemilik Nissan Motor menaiki kapal terbang MAS untuk melawat kilang di Rawang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 35 Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) berbanding Ringgit Malaysia (RM).

2022	2023
USD1 = RM4.17	USD1 = RM4.68

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- A Harga eksport Malaysia di Amerika Syarikat murah
- B Jumlah import dari Amerika Syarikat meningkat
- C Imbangan dagangan Malaysia cenderung negatif
- D Penawaran Ringgit Malaysia lebih tinggi


Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Keperluan ialah perkara asas yang mesti ada bagi manusia untuk menikmati keselesaan dalam kehidupan.
II Keperluan manusia adalah terhad dan berbeza antara individu.
- 37 I Pengeluaran merupakan proses menghasilkan output dengan menggabungkan sejumlah input tertentu.
II Penghasilan output dapat ditingkatkan dengan menambah jumlah mesin dalam jangka pendek.
- 38 I Produktiviti ialah ukuran tentang kecekapan dan keberkesanan dalam penghasilan output secara optimum.
II Produktiviti meningkat akan menyebabkan daya saing sesebuah firma semakin bertambah.
- 39 I Sumber hasil kerajaan terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung.
II Hasil kerajaan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan.
- 40 I Pelaburan langsung asing ialah pelaburan yang dibuat oleh firma asing untuk memulakan operasi perniagaan di dalam negara.
II Pelaburan langsung asing dapat meningkatkan kemahiran modal insan di sesebuah negara yang menjadi pilihan firma asing.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

- 11 Rajah 2 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Kuantiti meningkat sebanyak 12 unit diputuskan oleh kuasa pengguna
 - B Jangkaan harga akan naik menyebabkan peralihan keluk dari S_0 ke S_1
 - C Pergerakan titik E_0 ke E_1 kesan peningkatan pendapatan masyarakat
 - D Harga jatuh kepada RM6 akibat lebih penawaran sebanyak 20 unit
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan harga dan kuantiti permintaan telefon mainan.

Pada tingkat harga RM10 seunit, kuantiti permintaan ialah 20 unit, apabila harga jatuh kepada RM8 seunit, kuantiti diminta bertambah kepada 25 unit.

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut?

- A 0.40
- B 0.80
- C 1.25
- D 2.50